



PENGERUSI BN Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib (kanan) melihat lakaran Hospital Maran selepas Majlis Menandakan Tapak Hospital Maran di Batu 55 Jalan Maran - Jerantut. - Foto Nazirul Roselan

Hospital Maran beri manfaat kepada 130,000 penduduk

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
cnews@nstp.com.my

MARAN: Pembinaan Hospital Maran yang bernilai RM80 juta akan memberi

manfaat kepada lebih 130,000 penduduk di daerah itu dan kawasan sekitarnya.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Maran, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib, berkata projek pembinaan yang akan bermula pada September 2019 dilengkapi 76 katil rawatan selain beberapa kemudahan kesihatan lain.

"Insya-Allah hospital ini dijangka siap pada 2022. Ketika itu, orang Maran tidak perlu ke Hospital Jengka, Hospital Temerloh dan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) yang jaraknya jauh dari rumah mereka.

"Projek ini (Hospital Maran) bukan sahaja memudahkan penduduk tetapi turut memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan majlis menandakan tapak Hospital Maran di Batu 55 Jalan Maran-Jerantut, Luit, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Dr Mohd Ghazali Abas, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Hasnol Zam-Zam Ahmad dan Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Pahang, Dr Sha'ari Ngadiman.

Ismail yang juga calon Parlimen Maran, turut mencadangkan kepada Kementerian Kerja Raya supaya dibina laluan pintasan dari arah Kuantan dan Kuala Lumpur untuk memudahkan orang ramai tiba ke Hospital Maran tanpa perlu melalui kawasan bandar.

"Jika jalan ini dibina, ia akan jimatkan masa selain membantu dalam kes kecemasan seperti kemalangan di Lebuhraya Pantai Timur (LPT).

"Saya sudah beri cadangan dan difahamkan kajian sedang dijalankan Jabatan Kerja Raya (JKR), katanya.

Ismail berkata, cadangan asal pembinaan Hospital Maran sepatutnya dibina di Lubuk Paku, Chenor, di sini, namun disebabkan masalah kesesuaian tanah dan kos yang tinggi ia dipindahkan ke Luit.

Katanya, lokasi kini amat bersesuaian kerana mempunyai keluasan tanah untuk pembinaan infrastruktur lain pada masa depan.

INFO

Hospital Maran:

- Dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe11).
- Turut mempunyai Jabatan Kecemasan dan Trauma, Jabatan Pesakit Luar, kemudahan klinik pakar, kafeteria dan kuarters kakitangan.
- Keluasan kira-kira 20 hektar.
- Jarak dengan hospital berhampiran, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) Temerloh ialah 45km, Hospital Jengka (55km) dan Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) 78km